

**KERISAUAN JENAYAH DALAM KONTEKS  
KESELAMATAN AWAM: KAJIAN KES DI  
NEGERI PULAU PINANG**

**ZA'IM BIN AHMAD**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2019**

**KERISAUAN JENAYAH DALAM KONTEKS  
KESELAMATAN AWAM: KAJIAN KES DI  
NEGERI PULAU PINANG**

**oleh**

**ZA'IM BIN AHMAD**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Disember 2019**

## PENGHARGAAN

**“ Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang”**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, serta berkat kesabaran dan kesungguhan dapat juga tesis ini disempurnakan.

Ucapan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada penyelia saya, Dr. Sezali Bin Md Darit dan penyelia bersama, Dr. Rahmat Azam Bin Mustafa yang telah banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan, nasihat, dan pandangan dalam menyiapkan serta menyempurnakan tesis ini. Galakan dan panduan ini telah banyak membantu dan menguatkan semangat saya bagi menghasilkan tesis ini sehingga ke peringkat akhir. Penghargaan ini turut saya tujukan kepada Universiti Utara Malaysia yang telah menyumbangkan sumber kewangan serta cuti pengajian bagi menyiapkan tesis ini.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan buat kedua ibu bapa juga ibu bapa mertua, isteri Kamsiah Binti Zali dan anak-anak Najjatul Au'ji, Muhammad A'qil dan Najjiatul As'naa yang sering mendoakan kejayaan saya dalam menghadapi cabaran menuntut ilmu di samping banyak memberikan sokongan moral dan inspirasi kepada saya sepanjang proses tesis ini berjalan.

Tidak ketinggalan juga kepada sahabat-sahabat saya Prof. Dr Kamaruddin Ngah, Prof Madya Dr. Jamaluddin Mustaffa, Prof. Madya Dr Min, Dr. Rohafiz Sabar, yang telah banyak membantu menyumbangkan tenaga dan buah fikiran bagi membantu saya menyiapkan tesis ini.

Akhir sekali, penghargaan ini saya persembahkan kepada semua ketua taman perumahan dan responden kajian yang telah membantu memberikan kerjasama dalam pengutipan data tesis ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada mereka yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penghasilan tesis ini atas segala bantuan, bimbingan, sokongan dan panduan dalam membantu saya menambahbaik seterusnya menyempurnakan tesis ini.

Semoga Allah SWT melimpahkan ganjaran yang terbaik buat kalian dan merahmati setiap usaha dan kesungguhan yang diberikan sepanjang perjalanan tesis ini.

## SENARAI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b> .....	<b>ii</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b> .....	<b>iv</b>
<b>SENARAI JADUAL</b> .....	<b>xi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b> .....	<b>xvii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b> .....	<b>xviii</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b> .....	<b>xx</b>
<b>ABSTRAK</b> .....	<b>xxi</b>
<b>ABSTRACT</b> .....	<b>xxiii</b>
<b>BAB I PENDAHULUAN</b> .....	<b>1</b>
1.1 Pengenalan .....	1
1.2 Pernyataan Masalah .....	5
1.3 Persoalan Kajian .....	9
1.4 Tujuan Dan Objektif Kajian.....	9
1.5 Kawasan Kajian .....	10
1.5.1 Kes-Kes Jenayah Di Pulau Pinang .....	15
1.5.2 Ekonomi Pulau Pinang .....	18
1.6 Definisi Konsep .....	19
1.6.1 Jenayah .....	19
1.6.2 Kerisauan Jenayah .....	21
1.6.3 Pencegahan Jenayah .....	22
1.6.4 Keselamatan Awam.....	24
1.6.5 Persekitaran Fizikal .....	25
1.6.6 Aktiviti Devian .....	26
1.6.7 Trend Jenayah.....	27
1.6.8 Warga Asing.....	29
1.6.9 Kejiranan .....	30

1.7	Skop Kajian.....	32
1.8	Kepentingan Kajian .....	33
1.9	Limitasi Kajian.....	34
<b>BAB II MEKANISME PERLAKUAN JENAYAH .....</b>		<b>35</b>
2.1	Pengenalan .....	35
2.2	Nilai Dan Norma Persepsi Jenayah.....	35
2.3	Keselamatan Awam Di Malaysia.....	37
2.4	Indeks Jenayah Di Malaysia .....	40
2.5	Tingkah Laku Devian .....	71
2.6	Corak Dan Pelakuan Jenayah.....	75
2.7	Teori-Teori Berkaitan Jenayah .....	80
	2.7.1 Teori <i>Broken Windows</i> .....	80
	2.7.2 Teori Kawalan Sosial .....	84
2.8	Kerisauan Jenayah Dalam Kalangan Warga Asing .....	88
2.9	Kerangka Teoritikal .....	94
2.10	Kesimpulan .....	96
<b>BAB III METODOLOGI KAJIAN.....</b>		<b>97</b>
3.1	Pengenalan .....	97
3.2	Proses Kajian .....	97
3.3	Reka Bentuk Kajian .....	98
3.4	Kerangka Kajian .....	100
	3.4.1 Peringkat Pertama: Pemahaman Awal .....	102
	3.4.2 Peringkat Kedua: Kajian Teoritikal.....	102
	3.4.3 Peringkat Ketiga: Pengumpulan Maklumat Dan Analisis Data.....	102
	3.4.4 Peringkat Keempat: Dapatan Kajian Dan Cadangan.....	103
3.5	Pemilihan Kawasan Kajian .....	103
3.6	Pengumpulan Data Kajian .....	107

3.7	Reka Bentuk Persampelan Dan Prosedur.....	108
3.7.1	Populasi Dan Persampelan .....	108
3.7.2	Teknik Persampelan .....	109
3.7.3	Saiz Sampel .....	110
3.7.4	Jumlah Saiz Sampel.....	110
3.8	Reka Bentuk Soal Selidik .....	112
3.8.1	Soal Selidik Responden.....	112
3.8.2	Instrumen Soal Selidik .....	113
3.9	Organisasi Kerja Lapangan.....	117
3.9.1	Persediaan Kerja Lapangan .....	117
3.9.2	Kajian Rintis .....	118
3.9.3	Penyeliaan Kerja Lapangan.....	120
3.10	Pemprosesan Data.....	121
3.10.1	Analisis Data .....	121
3.10.2	Analisis Perbandingan Min Ujian t Dan Anova.....	122
3.10.3	Analisis Korelasi .....	123
3.10.4	Analisis Regresi.....	124
3.10.5	Pembinaan Indeks Kerisauan Jenayah.....	125
3.11	Kesimpulan .....	127
<b>BAB IV ANALISIS DAPATAN KAJIAN.....</b>		<b>128</b>
4.1	Pengenalan .....	128
4.2	Profil Demografi .....	128
4.2.1	Jantina.....	128
4.2.2	Umur.....	129
4.2.3	Etnik .....	129
4.2.4	Status Perkahwinan .....	129
4.2.5	Sektor Pekerjaan.....	130

4.2.6	Bilangan Anak .....	130
4.2.7	Tahap Pendidikan .....	131
4.2.8	Pendapatan Bulanan .....	132
4.2.9	Tempoh Lama Menetap.....	132
4.2.10	Mangsa Jenayah Kekerasan .....	133
4.2.11	Mangsa Jenayah Harta Benda .....	133
4.3	Interpretasi Tahap Kerisauan Jenayah .....	134
4.3.1	Penguatkuasaan Jenayah .....	134
4.3.2	Keselamatan Awam.....	137
4.3.3	Persekitaran Fizikal .....	140
4.3.4	Aktiviti Kelompok Devian .....	143
4.3.5	Trend Perlakuan Jenayah.....	146
4.3.6	Kehadiran Warga Asing .....	149
4.3.7	Kerisauan Jenayah .....	152
4.4	Keselamatan Jenayah .....	155
4.4.1	Aspek Keselamatan Rumah.....	155
4.4.2	Paparan Media Terhadap Trend Perlakuan Jenayah .....	157
4.4.3	Kelompok Devian Di Kawasan Perumahan .....	157
4.5	Mengukur Kebolehpercayaan .....	159
4.5.1	Pengukuran Keseluruhan Soalan.....	159
4.5.2	Pengukuran Kebolehpercayaan Mengikut Kluster Soalan .....	159
4.6	Kerisauan Mangsa Jenayah Kekerasan .....	160
4.6.1	Penguatkuasaan Jenayah .....	160
4.6.2	Keselamatan Awam.....	163
4.6.3	Persekitaran Fizikal .....	166
4.6.4	Aktiviti Kelompok Devian .....	169
4.6.5	Trend Perlakuan Jenayah.....	172



4.6.6	Kehadiran Warga Asing .....	175
4.6.7	Kerisauan Jenayah .....	177
4.7	Kerisauan Mangsa Jenayah Harta Benda.....	180
4.7.1	Penguatkuasaan Jenayah .....	180
4.7.2	Keselamatan Awam.....	183
4.7.3	Persekitaran Fizikal .....	186
4.7.4	Aktiviti Kelompok Devian .....	189
4.7.5	Trend Perlakuan Jenayah.....	192
4.7.6	Kehadiran Warga Asing .....	195
4.7.7	Kerisauan Jenayah .....	197
4.8	Kesimpulan .....	200
<b>BAB V PERBINCANGAN ANALISIS KAJIAN.....</b>		<b>201</b>
5.1	Pengenalan .....	201
5.2	Analisis Perbandingan Min.....	201
5.2.1	Perbezaan Min Jantina Terhadap Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kerisauan Jenayah.....	202
5.2.2	Perbezaan Min Demografi Responden Terhadap Penguatkuasaan Jenayah .....	203
5.2.3	Perbezaan Min Demografi Responden Terhadap Keselamatan Awam.....	205
5.2.4	Perbezaan Min Demografi Responden Terhadap Persekitaran Fizikal .....	209
5.2.5	Perbezaan Min Demografi Responden Terhadap Aktiviti Devian.....	211
5.2.6	Perbezaan Min Demografi Responden Terhadap Trend Jenayah .....	215
5.2.7	Perbezaan Min Demografi Responden Terhadap Kehadiran Warga Asing .....	220
5.3	Korelasi Pemboleh Ubah Bebas Terhadap Tahap Kerisauan Jenayah .....	222

5.3.1	Hubungan Faktor Penguatkuasaan Jenayah Dan Tahap Kerisauan Jenayah .....	223
5.3.2	Hubungan Faktor Keselamatan Awam Dan Tahap Kerisauan Jenayah .....	224
5.3.3	Hubungan Faktor Persekitaran Fizikal Dan Tahap Kerisauan Jenayah .....	226
5.3.4	Hubungan Faktor Aktiviti Devian Dan Tahap Kerisauan Jenayah .....	228
5.3.5	Hubungan Faktor Trend Jenayah Dan Tahap Kerisauan Jenayah .....	229
5.3.6	Hubungan Faktor Kehadiran Warga Asing Dan Tahap Kerisauan Jenayah .....	231
5.4	Analisis Regresi .....	232
5.5	Kerangka Kerisauan Jenayah .....	233
5.6	Pemantauan Agensi Penguatkuasa.....	236
5.7	Keselamatan Dan Kesejahteraan Awam .....	237
5.8	Persekitaran Fizikal Menyumbang Kepada Kerisauan Jenayah .....	238
5.8.1	Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran (CPTED).....	239
5.8.2	Pemantauan Kamera Litar Tertutup (CCTV).....	240
5.9	Implikasi Kehadiran Warga Asing Dan Tingkah Laku Kelompok Devian .....	242
5.9.1	Kehadiran Warga Asing .....	243
5.9.2	Tingkah Laku Kumpulan Devian .....	247
5.10	Peningkatan Trend Jenayah .....	252
5.11	Indeks Kerisauan Jenayah.....	252
5.12	Kesimpulan .....	254
<b>BAB VI RUMUSAN DAN CADANGAN .....</b>		<b>255</b>
6.1	Pengenalan .....	255
6.2	Rumusan .....	255
6.2.1	Kerisauan Terhadap Jenayah.....	255

6.2.2	Kebergantungan Keselamatan Awam .....	256
6.2.3	Kepelbagaian Faktor Indeks Jenayah .....	257
6.2.4	Faktor Penguatkuasaan .....	258
6.2.5	Agensi Penguatkuasa .....	258
6.3	Cadangan Saranan Polisi / Dasar .....	259
6.3.1	Kolaborasi Penguatkuasaan .....	259
6.3.2	Perancangan Dan Reka Bentuk Fizikal Kawasan .....	262
6.3.3	Mekanisma Ancaman Jenayah .....	265
6.3.4	Mekanisma Situasi Persekitaran .....	265
6.3.5	Perlaksanaan Intervensi Sosial .....	266
6.4	Implikasi Dasar .....	267
6.5	Kesimpulan .....	269
	<b>RUJUKAN .....</b>	<b>271</b>

## **LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 1.1	Jumlah Nisbah Indeks Jenayah per 100,000 Penduduk Seluruh Malaysia Tahun 2012 hingga 2015 .....	14
Jadual 1.2	Statistik Indeks Jenayah Januari hingga Mac tahun 2013/2014 .....	16
Jadual 1.3	KDNK Per Kapita Mengikut Negeri, 2012-2013 pada Harga Semasa (RM) .....	19
Jadual 2.1	Jenis-jenis Kesalahan Jenayah di Malaysia .....	41
Jadual 2.2	Jumlah Kesalahan Jenayah Seluruh Malaysia Sepanjang Tahun 2012 hingga 2018 .....	44
Jadual 2.3	Jumlah Indeks Jenayah Seluruh Malaysia Tahun 2012.....	46
Jadual 2.4	Jumlah Indeks Jenayah Seluruh Malaysia Tahun 2013.....	48
Jadual 2.5	Jumlah Indeks Jenayah Seluruh Malaysia Tahun 2014.....	50
Jadual 2.6	Jumlah Indeks Jenayah Seluruh Malaysia Tahun 2015.....	52
Jadual 2.7	Jumlah Indeks Jenayah Seluruh Malaysia Tahun 2016.....	54
Jadual 2.8	Jumlah Indeks Jenayah Seluruh Malaysia Tahun 2017.....	56
Jadual 2.9	Jumlah Indeks Jenayah Seluruh Malaysia Tahun 2018.....	58
Jadual 2.10	Perbandingan Jumlah Jenayah Kekerasan dan Harta Benda di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur Tahun 2015 .....	60
Jadual 2.11	Perbandingan Jumlah Jenayah Kekerasan dan Harta Benda di Pulau Pinang dan Selangor Tahun 2015 .....	62
Jadual 2.12	Perbandingan Jumlah Jenayah Kekerasan dan Harta Benda di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur Tahun 2016 .....	63
Jadual 2.13	Perbandingan Jumlah Jenayah Kekerasan dan Harta Benda di Pulau Pinang dan Selangor Tahun 2016 .....	65
Jadual 2.14	Perbandingan Jumlah Jenayah Kekerasan dan Harta Benda di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur Tahun 2017 .....	66

Jadual 2.15	Perbandingan Jumlah Jenayah Kekerasan dan Harta Benda di Pulau Pinang dan Selangor Tahun 2017 .....	68
Jadual 2.16	Perbandingan Jumlah Jenayah Kekerasan dan Harta Benda di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur Tahun 2018 .....	69
Jadual 2.17	Perbandingan Jumlah Jenayah Kekerasan dan Harta Benda di Pulau Pinang dan Selangor Tahun 2018 .....	71
Jadual 3.1	Jumlah Indeks Jenayah Seluruh Malaysia Tahun 2014.....	104
Jadual 3.2	Jumlah Responden Mengikut Daerah Tahun 2015 .....	111
Jadual 3.3	Soalan-soalan Bahagian B Mengikut Faktor Penguatkuasaan Jenayah .....	114
Jadual 3.4	Soalan-soalan Bahagian B Mengikut Faktor Keselamatan Awam.....	114
Jadual 3.5	Soalan-soalan Bahagian B Mengikut Faktor Persekitaran Fizikal .....	115
Jadual 3.6	Soalan-soalan Bahagian B Mengikut Faktor Aktiviti Devian.....	115
Jadual 3.7	Soalan-soalan Bahagian B Mengikut Faktor Trend Jenayah .....	115
Jadual 3.8	Soalan-soalan Bahagian B Mengikut Faktor Kehadiran Warga Asing .....	116
Jadual 3.9	Soalan-soalan Bahagian B Mengikut Faktor Kerisauan Jenayah .....	116
Jadual 3.10	Soalan-soalan Bahagian C.....	117
Jadual 3.11	Dapatan Kajian Rintis Soal Selidik .....	119
Jadual 3.12	Kekuatan Nilai Pekali Korelasi .....	124
Jadual 3.13	Pengkelasan Skor Indeks.....	126
Jadual 4.1	Pecahan Responden Mengikut Jantina (N=400) .....	128
Jadual 4.2	Umur Mengikut Kategori (N=400) .....	129
Jadual 4.3	Etnik (N=400).....	129
Jadual 4.4	Status Perkahwinan (N=400).....	130
Jadual 4.5	Sektor Pekerjaan (N=400) .....	130

Jadual 4.6	Tahap Pendidikan (N=400) .....	131
Jadual 4.7	Pendapatan Bulanan (N=400).....	132
Jadual 4.8	Tempoh Lama Menetap (N=400).....	132
Jadual 4.9	Pernah Menjadi Mangsa Kekerasan (N=400) .....	133
Jadual 4.10	Pernah Menjadi Mangsa Harta Benda (N=400).....	133
Jadual 4.11	Interpretasi Skala Min .....	134
Jadual 4.12	Penguatkuasaan Jenayah (N=400).....	136
Jadual 4.13	Keselamatan Awam (N=400).....	139
Jadual 4.14	Persekitaran Fizikal (N=400) .....	142
Jadual 4.15	Aktiviti Kelompok Devian (N=400) .....	145
Jadual 4.16	Trend Perlakuan Jenayah (N=400).....	148
Jadual 4.17	Kehadiran Warga Asing (N=400) .....	151
Jadual 4.18	Kerisauan Jenayah (N=400) .....	154
Jadual 4.19	Aspek Keselamatan Rumah dengan Memasang Jeriji Besi Mengikut Kategori Rumah.....	156
Jadual 4.20	Paparan Media Mempengaruhi Kerisauan Jenayah (N=400) .....	157
Jadual 4.21	Maklum Balas Responden terhadap Kewujudan Kelompok Devian di Kawasan Perumahan Mengikut Kategori Rumah.....	158
Jadual 4.22	Kebolehpercayaan Keseluruhan Soalan .....	159
Jadual 4.23	Pengukuran Kebolehpercayaan Mengikut Kluster.....	160
Jadual 4.24	Penguatkuasaan Jenayah (N=16).....	162
Jadual 4.25	Keselamatan Awam (N=16).....	165
Jadual 4.26	Persekitaran Fizikal (N=16) .....	168
Jadual 4.27	Aktiviti Kelompok Devian (N=16) .....	171
Jadual 4.28	Trend Jenayah (N=16).....	174
Jadual 4.29	Kehadiran Warga Asing (N=16) .....	176
Jadual 4.30	Kerisauan Jenayah (N=16) .....	179

Jadual 4.31	Penguatkuasaan Jenayah (N=52).....	182
Jadual 4.32	Keselamatan Awam (N=52).....	185
Jadual 4.33	Persekitaran Fizikal (N=52) .....	188
Jadual 4.34	Aktiviti Kelompok Devian (N=52) .....	191
Jadual 4.35	Trend Jenayah (N=52).....	194
Jadual 4.36	Kehadiran Warga Asing (N=52) .....	196
Jadual 4.37	Kerisauan Jenayah (N=52) .....	199
Jadual 5.1	Ujian t antara Jantina dan Faktor-faktor yang Dikaji (N=400) .....	202
Jadual 5.2	Ujian ANOVA Faktor Penguatkuasaan Jenayah Berdasarkan Demografi Responden (N=400) .....	203
Jadual 5.3	Keputusan Ujian Post-Hoc Gabriel Faktor Penguatkuasaan Jenayah Berdasarkan Etnik.....	205
Jadual 5.4	Ujian ANOVA Faktor Keselamatan Awam Berdasarkan Demografi Responden (N=400) .....	206
Jadual 5.5	Keputusan Ujian Post-Hoc Gabriel Faktor Keselamatan Awam Berdasarkan Etnik .....	207
Jadual 5.6	Keputusan Ujian Post-Hoc Gabriel Faktor Keselamatan Awam Berdasarkan Pendapatan .....	208
Jadual 5.7	Ujian ANOVA Faktor Persekitaran Fizikal Berdasarkan Demografi Responden (N=400) .....	209
Jadual 5.8	Keputusan Ujian Post-Hoc Gabriel Faktor Persekitaran Fizikal Berdasarkan Etnik .....	211
Jadual 5.9	Ujian ANOVA Faktor Aktiviti Devian Berdasarkan Demografi Responden (N=400) .....	212
Jadual 5.10	Keputusan Ujian Post-Hoc Gabriel Faktor Aktiviti Devian Berdasarkan Etnik.....	213
Jadual 5.11	Keputusan Ujian Post-Hoc Gabriel Faktor Aktiviti Devian Berdasarkan Pendapatan .....	214
Jadual 5.12	Ujian ANOVA Faktor Trend Jenayah Berdasarkan Demografi Responden (N=400) .....	215
Jadual 5.13	Keputusan Ujian Post-Hoc Gabriel Faktor Trend Jenayah Berdasarkan Etnik.....	216

Jadual 5.14	Keputusan Ujian Post-Hoc Gabriel Faktor Trend Jenayah Berdasarkan Pendidikan .....	217
Jadual 5.15	Keputusan Ujian Post-Hoc Gabriel Faktor Trend Jenayah Berdasarkan Pendapatan.....	218
Jadual 5.16	Keputusan Ujian Post-Hoc Gabriel Faktor Trend Jenayah Berdasarkan Bilangan Anak .....	219
Jadual 5.17	Ujian ANOVA Faktor Kehadiran Warga Asing Berdasarkan Demografi Responden (N=400) .....	220
Jadual 5.18	Keputusan Ujian Post-Hoc Gabriel Faktor Kehadiran Warga Asing Berdasarkan Etnik .....	221
Jadual 5.19	Keputusan Ujian Post-Hoc Gabriel Faktor Kehadiran Warga Asing Berdasarkan Bilangan Anak.....	222
Jadual 5.20	Faktor Penguatkuasaan Jenayah terhadap Kerisauan Jenayah .....	223
Jadual 5.21	Hubungan Faktor Penguatkuasaan Jenayah terhadap Kerisauan Jenayah .....	224
Jadual 5.22	Faktor Keselamatan Awam terhadap Kerisauan Jenayah .....	225
Jadual 5.23	Hubungan Faktor Keselamatan Awam terhadap Kerisauan Jenayah.....	226
Jadual 5.24	Faktor Persekitaran Fizikal terhadap Kerisauan Jenayah .....	227
Jadual 5.25	Hubungan Faktor Persekitaran Fizikal terhadap Kerisauan Jenayah.....	227
Jadual 5.26	Faktor Pengaruh Aktiviti Devian terhadap Kerisauan Jenayah .....	228
Jadual 5.27	Hubungan Faktor Aktiviti Devian terhadap Kerisauan Jenayah .....	229
Jadual 5.28	Faktor Trend Perlakuan Jenayah terhadap Kerisauan Jenayah .....	230
Jadual 5.29	Hubungan Faktor Trend Jenayah terhadap Kerisauan Jenayah .....	230
Jadual 5.30	Faktor Kehadiran Warga Asing terhadap Kerisauan Jenayah .....	231
Jadual 5.31	Hubungan Faktor Kehadiran Warga Asing terhadap Kerisauan Jenayah.....	232



Jadual 5.32	Analisis Ujian Regresi Berganda.....	233
Jadual 5.33	Kiraan $w$ dan $x$ bagi Setiap Variabel Bebas.....	253

## SENARAI RAJAH

### Muka Surat

Rajah 1.1	Pernyataan Masalah Kajian Kerisauan Jenayah .....	8
Rajah 1.2	Peta Malaysia dan Kedudukan Pulau Pinang .....	11
Rajah 1.3	Peta Sempadan Pentadbiran Daerah Pulau Pinang .....	12
Rajah 1.4	Indeks Jenayah Pulau Pinang Mengikut Daerah.....	17
Rajah 2.1	Hubung Kait Elemen dalam Teori <i>Broken Windows</i> .....	82
Rajah 2.2	Model <i>Broken Windows</i> .....	83
Rajah 2.3	Teori Kawalan Sosial.....	88
Rajah 2.4	Kerangka Teoritikal .....	95
Rajah 3.1	Kerangka Proses Kajian .....	101
Rajah 3.2	Taburan Penduduk Pulau Pinang Mengikut Daerah Tahun 2014 ('000) .....	106
Rajah 4.1	Bilangan Anak .....	131
Rajah 4.2	Aspek Keselamatan Rumah dengan Memasang Jeriji Besi Mengikut Kategori Rumah .....	156
Rajah 4.3	Maklum Balas Responden terhadap Kewujudan Kelompok Devian di Kawasan Perumahan Mengikut Kategori Rumah .....	158

## SENARAI SINGKATAN

AADK	Agensi Anti-Dadah Kebangsaan
BCS	British Crime Survey
CCTV	Closed Circuit Television
CNII	Critical National Information Infrastructure
CPTED	Crime Prevention through Environmental Design
EPU	Economic Planning Unit
GTP	Government Transformation Programme
ICD	International Classification of Diseases
ICT	Information and Communication Technology
IKHM	Indeks Kualiti Hidup Manusia
IPD	Ibu Pejabat Polis Daerah
IACA	International Association of Crime Analysts
ISM	Insurance Services Malaysia
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPM	Jabatan Perdana Menteri
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KRT	Kawasan Rukun Tetangga
LPT	Lebuhraya Pantai Timur
MCPF	Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia
MPHTJ	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
MPSP	Majlis Perbandaran Seberang Perai
MPV	Mobile Patrol Vehicle/Kereta Peronda Polis
NGO	Non-Governmental Organization/Pertubuhan Bukan Kerajaan
NKRA	National Key Result Areas/Bidang Keberhasilan Utama Negara
RMK 10	Rancangan Malaysia ke-10
PATI	Pendatang Asing Tanpa Izin

PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PCA	Principal Component Analysis
PDRM	Polis DiRaja Malaysia
PPRT	Projek Perumahan Rakyat Termiskin
SCP	Safe City Programme/Program Bandar Selamat
SPSS	Statistical Package for Social Science
SRS	Skim Ronda Sukarela
TOR	The Onion Router
UNHCR	Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian
URB	Unit Ronda Bermotor

## **SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran I	Borang Soal Selidik
Lampiran II	Pembinaan Indeks Kerisauan Jenayah

**KERISAUAN JENAYAH DALAM KONTEKS KESELAMATAN AWAM:  
KAJIAN KES DI NEGERI PULAU PINANG**

**ABSTRAK**

Keselamatan awam merupakan elemen penting dalam menjamin kesejahteraan hidup masyarakat di Malaysia. Pelbagai pendekatan telah dilaksanakan oleh pihak berkuasa terutamanya Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi melestari keselamatan awam. Aspek kerisauan jenayah dapat membentuk suasana selamat dan menghindari rasa bimbang masyarakat terhadap jenayah. Kepsatan perbandaran dan pembangunan ekonomi telah meletakkan Pulau Pinang sebagai salah satu negeri yang mencatatkan indeks jenayah per kapita yang tinggi antara negeri-negeri di wilayah utara Malaysia. Pada tahun 2013 dan 2014, Pulau Pinang merupakan negeri kelima di Malaysia yang mencatatkan indeks jenayah yang tinggi. Secara turutan, kes tertinggi dilaporkan berlaku di Daerah Seberang Perai Tengah, diikuti Daerah Timur Laut, Daerah Seberang Perai Utara, Daerah Barat Daya dan Daerah Seberang Perai Selatan. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kerisauan jenayah dan menentukan ukuran indeks kerisauan jenayah dalam aspek keselamatan awam di Pulau Pinang. Enam faktor utama yang dipertimbangkan adalah penguatkuasaan jenayah, keselamatan awam, persekitaran fizikal, aktiviti devian, trend jenayah dan kehadiran warga asing. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang melibatkan pengedaran soal selidik seramai 400 orang responden dan pemilihan saiz sampel dikira berdasarkan nisbah populasi penduduk bagi sesuatu daerah terhadap keseluruhan populasi penduduk di Pulau Pinang. Hasil kajian menunjukkan wujud kebergantungan masyarakat terhadap agensi keselamatan dalam pencegahan jenayah. Faktor seperti trend jenayah, aktiviti devian dan kehadiran warga asing telah

menyumbang kepada tahap kerisauan yang tinggi dalam kalangan responden. Indeks kerisauan jenayah dengan skor 3.86 telah dihasilkan berdasarkan lima skala yang digunakan. Ini menunjukkan bahawa tahap kerisauan terhadap jenayah dalam aspek keselamatan awam di Pulau Pinang adalah tinggi.

**WORRY OF CRIME IN THE CONTEXT OF PUBLIC SAFETY:  
A CASE STUDY IN PENANG**

**ABSTRACT**

Public safety is an important element in ensuring the well-being of people in Malaysia. Various approaches have been adopted by the authorities, especially the Royal Malaysia Police (RMP) to safeguard the public safety. The aspect of criminal worries can create a safe environment as well as preventing public anxiety towards crime. Rapid urbanisation and economic development have set Penang as one of the states with a high crime rate per capita among the other states in northern Malaysia. In year 2013 and 2014, Penang was the fifth state in Malaysia with higher crime index. Subsequently, the highest cases was reported in the district of Central Seberang Perai, followed by the North-East, North Seberang Perai, South-West and South Seberang Perai districts. The purpose of this study is to identify factors influencing worry of crime and to determine the index of criminal worries in the aspect of public safety in Penang. The six major factors contributing to worry of crime were demonstrated including crime enforcement, public safety, physical environment, deviant activities, crime trends and the presence of foreign immigrants. This study uses a quantitative method involving the distribution of questionnaires of 400 respondents and the sample size was calculated based on the ratio of the population of a district to the total population in Penang. The findings show that people are too dependent on security agencies in crime prevention. Factors such as crime trends, deviant activities and the presence of foreign immigrants have led to high level of worries among respondents. This study has presented an index of criminal worries with a score of 3.86 based on



the five scales used. This shows that the level of criminal worries in the aspect of public safety in Penang is high.

# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 PENGENALAN**

Keselamatan awam merupakan elemen penting menjana pembangunan masyarakat lestari. Kerisauan, kebimbangan atau ketakutan terhadap jenayah akan menyebabkan masyarakat berada dalam kelunturan prestasi kehidupan. Aktiviti harian akan diselubungi kerisauan kerana merasakan diri atau keluarga dijadikan sasaran terhadap jenayah. Senario ini akan merencat pergerakan dan kebebasan masyarakat untuk lebih agresif dan proaktif dalam merencana rencam kehidupan pragmatik.

Secara amnya, di kawasan-kawasan perumahan atau penempatan sama ada di kawasan bandar, pinggir bandar atau luar bandar dapat dilihat langkah-langkah awal keselamatan yang diambil oleh pemilik kediaman. Tidak kira sama ada rumah, bangunan atau kilang, kesemua premis ini memasang '*fence*' atau pagar keselamatan di kawasan premis. Ini menunjukkan pemilik merasa risau sekiranya premis mereka dijadikan sasaran kepada pencerobohan jenayah dan mengambil langkah awal ini untuk mencegahnya.

Kerajaan Malaysia melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah melancarkan Pelan Hala Tuju dengan menjadikan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) sebagai matlamat kesejahteraan rakyat (Jabatan Perdana Menteri, 2010). Salah satu sasaran NKRA adalah mengurangkan jenayah dengan penerapan pelbagai pendekatan utiliti dan kemanusiaan, yang melibatkan gerak kerja menyeluruh organisasi Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Pengenalan NKRA oleh kerajaan menerusi GTP 1.0 merangkumi lima cabang pengurangan jenayah. Lima cabang tersebut diketengahkan menerusi kajian ke atas persepsi orang awam terhadap jenayah yang terdiri daripada mengurangkan indeks jenayah, mengurangkan jenayah jalanan, mengurangkan ketakutan daripada menjadi mangsa jenayah, menambahbaik sistem keadilan dan meningkatkan kepuasan orang awam terhadap kredibiliti dan prestasi PDRM (Sundramoorthy, 2014).

Selain daripada PDRM, terdapat juga agensi-agensi kerajaan dan organisasi bukan kerajaan (NGO) bersama melaksanakan aktiviti dan program mencegah dan menangani jenayah. Organisasi seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menggalakkan masyarakat setempat menyertai Program Keselamatan Kejiranan untuk meningkatkan tahap keselamatan awam dan harta benda di kawasan penduduk setempat. Dilihat daripada sudut integrasi ia menampakkan kecapaiannya, namun daripada sudut kerisauan terhadap jenayah, adakah ia telah dicapai? Bagaimana pula tahap pencapaian ini diukur berdasarkan trend atau bentuk jenayah yang berlaku?

Menurut Datuk Dr. Rahamat Bivi Yusoff, Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Laporan pertama Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) diterbitkan pada tahun 1999. Laporan IKHM 2011 ini merupakan penerbitan siri keempat yang melaporkan perubahan kualiti hidup bagi tempoh 2000-2010. IKHM merupakan komposit indeks yang merangkumi 11 komponen yang berkait rapat dengan konsep kualiti hidup. Komponen tersebut adalah terdiri daripada pendapatan dan pengagihan, persekitaran kerja, pengangkutan dan komunikasi, kesihatan, pendidikan, perumahan, alam sekitar, kehidupan keluarga, penyertaan sosial, keselamatan awam serta kebudayaan dan hiburan. Beberapa indikator bagi komponen tertentu telah disemak semula supaya selaras dengan keperluan dan perubahan semasa.

Dengan semakan semula ini, IKHM kini mempunyai sebanyak 45 indikator yang merangkumi semua komponen. IKHM dapat digunakan sebagai petunjuk bagi memahami perubahan dan kemajuan kualiti hidup rakyat yang merangkumi aspek fizikal, sosial, ekonomi dan psikologi. Ini membolehkan penilaian keberkesanan dasar ekonomi secara menyeluruh dan seterusnya memberi panduan dalam perancangan dasar dan strategi pembangunan sosioekonomi pada masa hadapan (Unit Perancang Ekonomi, 2012).

Indeks pengukuran kualiti hidup di Malaysia menjadikan aspek jenayah iaitu keselamatan awam sebagai elemen mengukur kemajuan terhadap kesejahteraan hidup masyarakat Malaysia (Unit Perancang Ekonomi, 2012). Sekiranya masyarakat berada dalam keadaan risau dan bimbang terhadap jenayah, ia menjadikan kualiti hidup masyarakat Malaysia berada dalam indeks kurang berkualiti. Situasi kerisauan terhadap jenayah perlu ditangani dan pihak kerajaan atau agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab perlu mengenal pasti kenapa dan mengapa situasi ini berlaku.

Antara program pencegahan jenayah yang dilaksanakan termasuk pemasangan kamera litar tertutup dan pertambahan bilangan anggota polis bertugas di kawasan yang berisiko tinggi berlaku jenayah. Di samping itu, khidmat sukarelawan seperti Skim Rondaan Sukarela dan Rakan Cop yang membuat rondaan di kawasan kediaman turut menyumbang kepada pengurangan kadar jenayah (Unit Perancang Ekonomi, 2012).

Program Bandar Selamat (SCP) telah diberi penekanan dalam Rancangan Malaysia ke-10 (Jabatan Perdana Menteri, 2010). SCP melibatkan kerjasama bersepadu antara PDRM, pihak berkuasa tempatan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan badan lain yang berkaitan untuk

menangani masalah melalui inisiatif setempat. Antara langkah yang diambil termasuk memperbaiki lampu jalan, menambah baik kualiti laluan pejalan kaki dan memperkenalkan penghadang antara laluan pejalan kaki dengan jalan raya. Jawatankuasa SCP setempat menentukan tindakan berdasarkan keutamaan dan kedudukan kewangannya. Tindakan ini mampu menyediakan persekitaran yang selamat bagi penduduk dan pelawat serta mengurangkan jenayah. Sejumlah RM510 juta telah diperuntukkan bagi program ini.

Pendekatan komprehensif kerajaan melalui dasar dan peruntukan perbelanjaan yang besar merupakan spektrum kesungguhan pencegahan jenayah terhadap keselamatan awam. Ironinya, sejauh mana masyarakat berasa selamat melalui dasar dan peruntukan yang disalurkan ini. Menurut Yeoh dan Yeow (1997), peruntukan kewangan semata-mata masih tidak memadai tanpa disertai dengan tindakan yang bersesuaian bagi menangani masalah berkenaan. Cara menangani jenayah secara konvensional, iaitu dengan hanya menangkap dan memenjarakan penjenayah tidak mencukupi. Sebaliknya pencegahan jenayah ialah pendekatan yang jauh lebih bermakna dan akan membawa kesan praktikal yang lebih signifikan. Masalah jenayah tidak hanya menimbulkan implikasi fizikal pada mangsa malahan turut meninggalkan kesan emosi yang mengakibatkan tercetusnya perasaan takut kepada jenayah (Jamaludin Mustaffa dan Kamarudin Ngah, 2015).

Tidak dapat dinafikan, Kerajaan Malaysia melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah melancarkan Pelan Hala Tuju dengan menjadikan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) sebagai matlamat kesejahteraan rakyat. Salah satu sasaran NKRA adalah mengurangkan jenayah dengan penerapan pelbagai pendekatan utiliti dan kemanusiaan, yang melibatkan gerak kerja menyeluruh

organisasi Polis Diraja Malaysia (PDRM). Ini juga bertujuan mencegah dan mengurangkan jenayah di seluruh negara. Walau bagaimanapun, persoalannya adakah aspek-aspek pencegahan jenayah yang dilaksanakan mampu mengurangkan atau menghapuskan kerisauan jenayah dalam kalangan masyarakat secara keseluruhan.

## **1.2 PERNYATAAN MASALAH**

Berdasarkan kajian yang dijalankan pada tahun 2009, rakyat Malaysia mengenal pasti jenayah sebagai kebimbangan kedua terbesar selepas faktor ekonomi. Jenayah melunturkan semangat dan mengurangkan keyakinan orang ramai terhadap keupayaan kerajaan untuk mengekalkan keselamatan serta keamanan. Secara keseluruhannya, hasil laporan kajian GTP Pelan Hala Tuju 1.0 telah memaparkan inferensi positif iaitu melibatkan empat dimensi berkaitan pengurangan secara tetap dalam indeks jenayah, mengurangkan jenayah jalanan yang dilaporkan, penambahbaikan sistem keadilan dan peningkatan kepuasan orang ramai terhadap prestasi pihak polis (Jabatan Perdana Menteri, 2010).

Bentuk dan jenis jenayah yang berlaku akan menyebabkan masyarakat berada dalam tahap kerisauan yang tinggi. Individu-individu atau kelompok penagih dadah dan kongsi gelap yang berada di kawasan penempatan, secara umumnya mampu meningkatkan tahap risau terhadap jenayah. Individu atau kelompok ini biasanya dikaitkan dengan kes-kes pergaduhan, mencuri, pecah rumah, peras ugut dan sebagainya. Malah yang lebih merisaukan adalah golongan ini juga boleh mempengaruhi masyarakat muda atau belia untuk terlibat dengan aktiviti jenayah mereka. Persekitaran kehidupan seperti ini mampu mempengaruhi golongan remaja yang cuba mencari identiti diri dalam melangkah ke alam dewasa.

Senario kes jenayah yang berlaku di peringkat negara turut dialami di negeri Pulau Pinang. Menurut Ketua Polis Negeri, kejadian jenayah di negeri Pulau Pinang dilaporkan berlaku pada setiap 47.4 minit sepanjang tahun 2000 dengan kes jenayah harta benda mencatatkan kekerapan yang tertinggi. Kes jenayah harta benda di negeri ini dilaporkan berlaku pada setiap 52.6 minit dan jenayah kekerasan pula berlaku pada setiap 8 jam (Nor-Ina Kanyo dan Norizan Hj Md Nor, 2007).

Persekitaran fizikal kawasan awam juga merupakan elemen yang boleh mempengaruhi kejadian jenayah. Kawasan-kawasan ini lebih mendatangkan kerisauan terutama di waktu malam, kerana faktor kecerahan mempengaruhi peluang dan sasaran berlaku jenayah. Lorong-lorong gelap, kawasan-kawasan terselindung seperti tandas awam, dan sebagainya memerlukan tahap pencahayaan yang sesuai. Adakah keperluan ini mempengaruhi masyarakat dalam aspek kerisauan terhadap jenayah.

Perkembangan ekonomi negara telah memberi impak kepada berlakunya migrasi penduduk tempatan dan imigran dari negara jiran seperti Indonesia, Thailand, Laos, Vietnam, Bangladesh, dan sebagainya. Migrasi berlaku disebabkan keperluan bagi meningkatkan keupayaan ekonomi diri dan keluarga. Dalam aspek kejiwaan, golongan migrasi ini agak terpencil dalam pergaulan masyarakat setempat terutama dari negara luar atau migrasi antarabangsa. Walau bagaimanapun, adakah ini menjadikan masyarakat setempat risau dengan kedatangan imigran-imigran antarabangsa terutama di Pulau Pinang.

Sebagai sebuah pusat perindustrian elektronik dan pelancongan yang giat membangun, Pulau Pinang telah menjadi tarikan kepada warga asing daripada negara-negara berhampiran Malaysia seperti Indonesia, Myanmar, Nepal dan Vietnam. Kemasukan warga asing ke bandar ini secara berleluasa adalah disebabkan kewujudan

peluang pekerjaan yang banyak, terutamanya di sektor pembuatan, sektor hospitaliti dan perkhidmatan pembantu rumah. Pilihan majikan tempatan untuk mengupah warga asing disebabkan permintaan gaji mereka yang lebih rendah juga mendorong mereka untuk mengupah secara beramai-ramai golongan warga asing, terutamanya untuk memenuhi pekerjaan-pekerjaan yang dianggap oleh warga Malaysia sebagai pekerjaan peringkat bawahan, seperti buruh di kilang, ladang dan tapak pembinaan; pelayan restoran dan tukang sapu. Ketidakstabilan politik dan kemiskinan di negara asal turut mendorong mereka untuk memulakan kehidupan baru di tempat yang lebih aman seperti Pulau Pinang. Oleh itu, golongan warga asing ini sedaya upaya cuba untuk memasuki negara Malaysia, sama ada melalui cara yang sah ataupun secara haram.

Bukti penglibatan warga asing dalam jenayah di Pulau Pinang dapat dilihat melalui tertumbuhnya pusat-pusat pelacuran seperti cendawan selepas hujan di sekitar bandar raya tersebut, serta berleluasanya kegiatan penyeludupan dadah berbahaya. Penangkapan ramai pelacur daripada tanah besar China, negara jiran Thailand dan Uzbekistan baru-baru ini telah menunjukkan bahawa aktiviti pelacuran dan penyeludupan manusia telah menjadi semakin tidak terkawal. Penumpasan beberapa sindiket dadah yang melibatkan warga asing di Pulau Pinang juga mencerminkan keberanian mereka untuk mencabar undang-undang dan menggugat ketenteraman negara yang menjadi “rumah kedua“ mereka (*Borneo Post Online*, 16 April 2010).

Penularan jenayah akibat golongan warga asing yang semakin serius telah meningkatkan kebimbangan warga Pulau Pinang dan memangkin penyemaian sikap curiga dan syak wasangka mereka terhadap semua warga asing. Keadaan ini berkecenderungan untuk menimbulkan diskriminasi dan pengasingan terhadap golongan warga asing, dan hanya akan meluaskan jurang ekonomi dan sosial antara



mereka dengan penduduk Pulau Pinang serta menimbulkan perasaan ketidakpuasan akibat kegagalan mereka untuk diterima sebagai sebahagian daripada masyarakat bandar di Pulau Pinang. Situasi sebegini hanya akan mendorong mereka untuk melakukan jenayah bagi membebaskan diri daripada cengkaman kemiskinan dan keterasingan. Oleh itu, untuk mengatasi masalah keterlibatan jenayah di kalangan warga asing dengan efektif, kekangan ini perlulah diselidik hingga ke akar umbinya bagi memastikan situasi sebenar tahap penglibatan jenayah oleh golongan warga asing, punca-punca sebenar yang mempengaruhi golongan warga asing untuk melakukan jenayah, serta impak sosial yang wujud daripada kegiatan-kegiatan mereka. Ringkasnya, Rajah 1.1 menunjukkan beberapa permasalahan yang boleh mendatangkan kerisauan terhadap jenayah dalam kajian ini.



Rajah 1.1: Pernyataan Masalah Kajian Kerisauan Jenayah

### **1.3 PERSOALAN KAJIAN**

Terdapat beberapa persoalan kajian yang telah dibentuk dengan merujuk kepada permasalahan kajian yang dibincangkan, iaitu:

- i. Adakah trend perlakuan jenayah boleh mempengaruhi aspek kerisauan jenayah?
- ii. Adakah aktiviti devian boleh mempengaruhi aspek kerisauan jenayah?
- iii. Apakah faktor penyumbang kepada tahap kerisauan jenayah dalam aspek keselamatan awam di Pulau Pinang?
- iv. Bagaimanakah hubungan di antara faktor-faktor penyumbang terhadap kerisauan jenayah?
- v. Bagaimanakah tahap indeks kerisauan jenayah dalam aspek keselamatan awam?

### **1.4 TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kerisauan jenayah dalam aspek keselamatan awam. Pelbagai usaha dilakukan melalui program-program dan penguatkuasaan daripada organisasi-organisasi yang bertanggungjawab. Sejauh manakah usaha-usaha ini berupaya memberi dan meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap keselamatan awam? Di samping peranan organisasi, kajian ini juga mengenal pasti keperluan dan keinginan masyarakat untuk bersama memastikan keselamatan awam berada dalam situasi yang baik. Selain itu penglibatan masyarakat atau sensitiviti masyarakat akan dinilai dan diukur dalam kesedaran dan komitmen terhadap kepekaan jenayah.

Objektif kajian ini adalah:

- i. Mengenal pasti trend perlakuan jenayah yang mempengaruhi aspek kerisauan jenayah dalam kalangan masyarakat.
- ii. Mengenal pasti aktiviti devian yang boleh mempengaruhi kerisauan jenayah dalam aspek keselamatan awam.
- iii. Mengenal pasti faktor penyumbang kepada tahap kerisauan jenayah terhadap aspek keselamatan awam dalam kalangan masyarakat Pulau Pinang.
- iv. Mengenal pasti perhubungan di antara faktor-faktor penyumbang terhadap kerisauan jenayah dalam aspek keselamatan awam di Pulau Pinang.
- v. Membina indeks kerisauan jenayah dalam aspek keselamatan awam di Pulau Pinang.

## **1.5 KAWASAN KAJIAN**


Kajian ini dijalankan di seluruh Negeri Pulau Pinang yang meliputi kawasan-kawasan taman perumahan. Jenis perumahan terdiri daripada rumah kos rendah, rumah kos sederhana dan rumah mewah. Pulau Pinang merupakan negeri yang maju daripada sudut sosio-ekonomi dan mempunyai kapasiti kependudukan yang padat. Pulau Pinang merupakan salah satu daripada 14 buah negeri-negeri di Malaysia (Rajah 1.2) dan terletak berhampiran dengan persisiran barat laut Semenanjung Malaysia. Pulau Pinang merupakan negeri kedua terkecil di Malaysia selepas negeri Perlis yang juga terletak di Utara Semenanjung Malaysia.



Rajah 1.2: Peta Malaysia dan Kedudukan Pulau Pinang

*Sumber:* Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), 2015

Pulau Pinang terdiri daripada dua wilayah iaitu wilayah Pulau Pinang yang terletak di bahagian pulau dan juga tanah besar yang dikenali sebagai Seberang Perai. Wilayah Pulau Pinang merangkumi dua daerah iaitu daerah Timur Laut dan daerah Barat Daya manakala wilayah Seberang Perai pula mempunyai tiga daerah iaitu daerah Seberang Perai Utara, daerah Seberang Perai Tengah dan daerah Seberang Perai Selatan. Jumlah keluasan Pulau Pinang adalah 1,046 km persegi dan keluasan bagi setiap pembahagian daerah ditunjukkan dalam Rajah 1.3. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2015), populasi Pulau Pinang merangkumi 1.69 juta penduduk dengan kadar kepadatan sebanyak 1,619 penduduk bagi setiap kilometer persegi. Purata umur penduduk di Pulau Pinang pula adalah sekitar 30.8 tahun.



Rajah 1.3: Peta Sempadan Pentadbiran Daerah Pulau Pinang

*Sumber:* Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), 2015

Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dalam aspek mengurangkan jenayah di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP 1.0) memfokuskan kepada empat negeri utama yang dikenal pasti sebagai kawasan 'hotspot' jenayah iaitu Johor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Selangor (Sundramoorthy, 2014).

Menurut laporan indeks jenayah bagi negeri-negeri di Malaysia pada tahun 2012 hingga 2015, Pulau Pinang tidak mencatatkan kadar jenayah yang tinggi berbanding negeri-negeri seperti Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor, Sarawak dan Kedah (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016). Jika diteliti jumlah

populasi penduduk, Pulau Pinang mencatatkan bilangan populasi yang rendah berbanding negeri-negeri tersebut. Justeru, nisbah indeks jenayah per 100,000 penduduk (ditakrifkan sebagai indeks jenayah per kapita) dikira bagi menentukan kadar jenayah yang tinggi antara negeri-negeri di Malaysia dan Pulau Pinang menduduki tempat keempat teratas dengan nisbah 394.5 bagi indeks jenayah per 100,000 penduduk pada tahun 2015 (Jadual 1.1).

Jadual 1.1: Jumlah Nisbah Indeks Jenayah per 100,000 Penduduk Seluruh Malaysia Tahun 2012 hingga 2015

Negeri	Tahun 2012			Tahun 2013			Tahun 2014			Tahun 2015		
	Populasi ('000)	Indeks jenayah	Nisbah per 100,000 penduduk	Populasi ('000)	Indeks jenayah	Nisbah per 100,000 penduduk	Populasi ('000)	Indeks jenayah	Nisbah per 100,000 penduduk	Populasi ('000)	Indeks jenayah	Nisbah per 100,000 penduduk
Johor	3,439.6	18,970	551.5	3,477.2	17,051	490.4	3,515.3	14,994	426.5	3,610.3	13,464	372.9
Kedah	1,996.8	10,093	505.5	2,021.1	8,628	426.9	2,046.2	8,116	396.6	2,096.5	7,813	372.7
Kelantan	1,640.4	6,057	369.2	1,665.9	5,716	343.1	1,691.9	5,600	331.0	1,760.6	5,029	285.6
Kuala Lumpur	1,713.4	23,043	1,344.9	1,732.0	22,310	1,288.1	1,750.2	19,346	1,105.4	1,780.4	15,969	896.9
Melaka	842.5	4,757	564.6	852.4	4,184	490.8	862.5	3,673	425.9	889.0	2,942	330.9
Negeri Sembilan	1,056.3	6,497	615.1	1,070.1	5,985	559.3	1,084.1	5,565	513.3	1,088.8	4,793	440.2
Pahang	1,548.4	5,614	362.6	1,572.7	5,237	333.0	1,597.7	5,124	320.7	1,607.9	4,258	264.8
Perak	2,416.7	8,535	353.2	2,436.4	7,430	305.0	1,645.7	6,862	417.0	2,466.9	6,228	252.5
Perlis	239.4	993	414.8	241.4	864	357.9	243.6	813	333.7	248.5	741	298.2
Pulau Pinang	1,611.1	8,393	520.9	1,628.4	7,937	487.4	2,456.7	7,485	304.7	1,698.1	6,699	394.5
Sabah	3,371.7	6,048	179.4	3,428.0	5,763	168.1	3,485.3	5,218	149.7	3,720.5	5,177	139.1
Sarawak	2,545.8	10,348	406.5	2,575.5	9,178	356.4	2,605.5	8,324	319.5	2,701.5	7,226	267.5
Selangor	5,650.8	40,747	721.1	5,725.3	42,990	750.9	5,800.1	36,285	625.6	6,178.0	32,546	526.8
Terengganu	1,092.9	3,505	320.7	1,112.5	3,608	324.3	1,132.7	3,213	283.7	1,161.0	2,659	229.0
<b>Jumlah</b>	<b>29,165.8</b>	<b>153,600</b>	<b>7,229.9</b>	<b>29,538.9</b>	<b>146,881</b>	<b>6,681.6</b>	<b>29,917.5</b>	<b>130,618</b>	<b>5,953.2</b>	<b>31,008.0</b>	<b>115,544</b>	<b>5,071.1</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016

### **1.5.1 KES-KES JENAYAH DI PULAU PINANG**

Kes-kes jenayah di Pulau Pinang merangkumi pelbagai jenis jenayah dan amat sesuai untuk dikaji daripada aspek kerisauan jenayah dalam kalangan komuniti Pulau Pinang. Jika masalah jenayah dikaitkan dengan kadar perbandaran sebagai suatu perbandingan, didapati wujud perkaitan yang ketara dari segi trend kerana negeri Pulau Pinang merupakan negeri ketiga mengalami kepesatan perbandaran di Malaysia iaitu sebanyak 79.5 peratus selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor. Negeri Pulau Pinang juga adalah di antara lapan buah negeri yang mencatatkan kadar perbandaran melebihi 50 peratus selain Kuala Lumpur, Selangor dan Wilayah Persekutuan Labuan pada tahun 2000. Selain itu, dengan mengambil kira keseluruhan negeri di Malaysia, didapati negeri Pulau Pinang adalah di antara negeri yang mencatatkan kes jenayah yang tinggi (Nor-Ina Kanyo dan Norizan Hj Md Nor, 2007).

Statistik Indeks Jenayah yang dikeluarkan PDRM menunjukkan Pulau Pinang merupakan antara negeri yang mempunyai indeks jenayah yang tinggi. Pada suku tahun pertama bermula bulan Januari hingga Mac 2013, indeks jenayah Pulau Pinang mencatatkan sebanyak 2,207 kes iaitu yang kelima tertinggi. Begitu juga suku tahun pertama tahun 2014, indeks jenayah Pulau Pinang berada di kedudukan yang kelima. Ini menunjukkan Pulau Pinang merupakan negeri yang mempunyai kes jenayah yang agak membimbangkan. Namun begitu, statistik dalam Jadual 1.2 menunjukkan berlakunya penurunan dalam tempoh suku tahun pertama.



Jadual 1.2: Statistik Indeks Jenayah Januari hingga Mac tahun 2013/2014


<b>Indeks Jenayah Januari – Mac 2013/2014</b>				
<b>Negeri</b>	<b>Indeks Jenayah</b>			
	<b>JAN-MAC 2013</b>	<b>JAN-MAC 2014</b>	<b>+/-</b>	<b>%</b>
Sarawak	2,397	1,831	-566	-23.6
Perlis	255	209	-46	-18.0
Pulau Pinang	2,207	1,881	-326	-14.8
Melaka	1,072	916	-156	-14.6
Johor	4,300	3,776	-524	-12.2
Kuala Lumpur	5,414	4,954	-460	-8.5
Terengganu	837	766	-71	-8.5
Perak	1,936	1,787	-149	-7.7
Selangor	10,336	9,711	-625	-0.6
Kedah	2,157	2,079	-78	-3.6
Negeri Sembilan	1,513	1,527	14	0.9
Sabah	1,320	1,334	14	1.1
Kelantan	1,340	1,373	33	2.5
Pahang	1,296	1,354	58	4.5
<b>Malaysia</b>	<b>36,380</b>	<b>33,498</b>	<b>-2,882</b>	<b>-7.9</b>

*Sumber:* Diubahsuai daripada Polis Diraja Malaysia Bukit Aman (PDRM, 2014)

Menurut Nor-Ina Kanyo dan Norizan Hj Md Nor (2007), daripada sejumlah 128,802 jumlah indeks jenayah negeri Pulau Pinang yang dicatatkan bagi tempoh 1990-2003, Daerah Timur Laut mencatatkan kes jenayah tertinggi berbanding daerah lain iaitu sebanyak 51.3 peratus atau 66,016 kes jenayah. Bagi tempoh yang sama, daripada 66,016 jumlah indeks yang dicatatkan di Daerah Timur Laut, sebahagian besar jenayah yang berlaku adalah melibatkan jenayah harta benda iaitu meliputi 88.4 peratus berbanding jenayah kekerasan hanya 11.6 peratus bagi tempoh 14 tahun. Penelitian ke atas trend jenayah mendapati terdapat persamaan dari segi trend peningkatan dan penurunan dalam kadar indeks jenayah dan jenayah harta benda. Berdasarkan kajian, didapati bahawa trend jenayah Daerah Timur Laut menunjukkan perubahan bagi empat tempoh masa iaitu (i) 1990-1992 (ii) 1993-1996 (iii) 1997-1998, dan (iv) 1999-2003. Setiap tempoh masa tersebut menunjukkan trend jenayah yang berbeza iaitu tempoh masa (i) 1990-1992 dan 1997-1998 menunjukkan trend

peningkatan dan (ii) 1993-1996 dan 1999-2003 menunjukkan pengurangan dari segi trend jenayah.

Rajah 1.4 menunjukkan indeks jenayah di Pulau Pinang pada tahun 2011 hingga 2014, merangkumi kelima-lima daerah di negeri tersebut. Daerah Seberang Perai Tengah mencatatkan kes jenayah tertinggi berbanding daerah lain sepanjang tempoh tersebut dan diikuti oleh Daerah Timur Laut. Menurut Polis Diraja Malaysia (2015), perlakuan jenayah harta benda menunjukkan peratusan yang tinggi berbanding jenayah kekerasan dan jenayah curi motosikal merupakan kes yang mencatatkan jumlah tertinggi daripada keseluruhan indeks jenayah dengan bilangan kes sebanyak 3,780 pada tahun 2011, 3,582 kes pada tahun 2012, 3,364 kes pada tahun 2013 dan seterusnya 2,966 kes pada tahun 2014.



Rajah 1.4: Indeks Jenayah Pulau Pinang Mengikut Daerah

## 1.5.2 EKONOMI PULAU PINANG

Jika dilihat dari sudut ekonomi pula, Jabatan Perangkaan Malaysia (2016) mencatatkan Pulau Pinang antara negeri yang menunjukkan prestasi ekonomi yang tinggi yang melebihi paras pertumbuhan nasional (4.2 peratus) pada tahun 2016 iaitu pada kadar 5.6 peratus selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 5.9 peratus dan Johor sebanyak 5.7 peratus. Pertumbuhan ekonomi yang wujud bukan hanya disebabkan oleh modal kewangan semata-mata, malah turut melibatkan modal fizikal dan sosial (Bakar *et. al*, 2004). Justeru, pertumbuhan ekonomi yang membangun juga boleh meningkatkan kadar perlakuan jenayah di sesuatu kawasan. Tambahan pula, pertumbuhan ekonomi juga boleh meningkatkan fenomena migrasi sama ada migrasi dalaman atau antarabangsa. Peningkatan jumlah warga asing turut menimbulkan pelbagai masalah dalam negara dari aspek sosial dan perundangan (Rusniah *et. al*, 2014).

Antara lima negeri yang telah menyumbang sebanyak 64.8 peratus kepada ekonomi negara pada tahun 2013 adalah Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Sarawak, Johor dan Pulau Pinang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014). Menurut laporan tersebut, pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang sebanyak 4.6 peratus telah dipacu oleh sektor pembuatan terutamanya dalam produk elektrik dan elektronik. Jadual 1.3 menunjukkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita mengikut negeri pada tahun 2012 dan 2013 dan Pulau Pinang merupakan negeri ketiga yang mencatatkan KDNK per kapita tertinggi antara negeri-negeri di Malaysia.

Jadual 1.3: KDNK Per Kapita Mengikut Negeri, 2012-2013 pada Harga Semasa  
(RM)

<b>Negeri</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>
WP Kuala Lumpur	74,579	79,752
Sarawak	40,396	41,115
Pulau Pinang	36,787	38,356
Selangor	35,916	37,851
Melaka	33,623	34,109
Negeri Sembilan	32,545	33,033
Pahang	26,274	26,759
Johor	24,569	25,302
Terengganu	22,717	23,285
Perak	20,510	21,150
Sabah	18,713	18,603
Perlis	17,990	18,519
Kedah	15,777	16,316
Kelantan	10,568	10,677
<b>Malaysia</b>	<b>31,920</b>	<b>32,984</b>

*Sumber:* Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014

## **1.6 DEFINISI KONSEP**

### **1.6.1 JENAYAH**

Jenayah memberi definisi perlakuan melanggar peraturan undang-undang yang boleh menyebabkan berlakunya kecederaan tubuh badan dan kematian mangsa. Malah mangsa juga terdedah kepada kemusnahan atau kehilangan harta benda disebabkan perbuatan pelaku. Menurut Nathalie Des Rosiers dan Steven Bittle (2004), secara mudahnya jenayah adalah sesuatu yang dilakukan secara bertentangan dengan undang-undang atau melanggar undang-undang.

Jenayah ialah satu masalah sosial yang melibatkan semua pihak. Semua anggota masyarakat perlu bekerjasama untuk menangani isu-isu yang berkaitan dengan jenayah, terutamanya aspek pencegahan. Pertubuhan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia membuktikan bahawa pihak kerajaan begitu komited dalam menangani permasalahan jenayah di negara ini.

Bagi Tom Wynne (2008), di sisi undang-undang, jenayah biasanya ditakrifkan sebagai perbuatan atau peninggalan yang dilarang oleh undang-undang yang boleh dihukum penjara dan atau denda. Pembunuhan, rompakan, pecah rumah, rogol, memandu dalam keadaan mabuk, pengabaian kanak-kanak, dan kegagalan untuk membayar cukai anda semua adalah contoh-contoh yang boleh dikaitkan dengan jenayah. Walau bagaimanapun, seperti penjenayah atau pelaku jenayah sesetengah perlu dilihat atau mengambil perhatian, iaitu kunci untuk memahami jenayah adalah untuk memberi tumpuan kepada sifat asas berkaitan tingkah laku jenayah dan bukan pada perbuatan jenayah tertentu. Daripada cuba memisahkan pemahaman jenayah seperti pembunuhan, rompakan, rogol, rompakan, penyelewengan, dan pengambilan dadah, kita perlu mengenal pasti apa yang mereka semua mempunyai persamaan. Banyak kajian lepas mengenai jenayah dapat membezakan antara keduanya dengan tumpuannya terhadap politik undang-undang dan bukannya definisi tingkah laku.

Beliau melihat jenayah mungkin berlaku akibat tindak balas melampau daripada mangsa penjenayah. Situasi ini mungkin boleh berlaku terutama bagi kes-kes pecah rumah malam hari. Mangsa mungkin bimbang dengan keselamatan diri atau keluarga dan berkemungkinan bertindak terlebih dahulu terhadap suspek sehingga boleh mendatangkan kematian.

## 1.6.2 KERISAUAN JENAYAH

Menurut Wendy Chan (2008), beberapa penyelidik berusaha untuk menjadi yang lebih inklusif dalam konsep mereka berkaitan "perasaan takut terhadap jenayah," ia menjadi jelas bahawa konsep-konsep seperti "marah" atau "kebimbangan" tidak boleh dengan mudah dipisahkan daripada bagaimana orang memahami kebimbangan mereka. Oleh itu, mereka meluahkan berhati-hati tentang bagaimana takut berkaitan kaji selidik jenayah dan statistik ditafsirkan kerana mereka tidak dapat menjelaskan secara terperinci idea-idea yang lebih luas dan tahap yang boleh diketahui berkaitan orang yang mempunyai "perasaan takut terhadap jenayah". Di samping cuba untuk memperbaiki proses menjalankan kajian empirikal perasaan takut, para penyelidikan bidang jenayah berpendapat bahawa apa sahaja jenayah boleh menimbulkan rasa takut dan ianya mempunyai pelbagai dimensi.

Menurut Sparks *et. al* (2001) kajian literatur di Britain mendapati, "perasaan takut terhadap jenayah" melibatkan pengalaman yang mewakili secara langsung, terbuka kepada pelbagai konseptual, termasuk pertimbangan mengenai bagaimana kerajaan yang kompeten dalam mengemblengkan keselamatan secara bersama, dan akhir sekali, ia juga merupakan ungkapan ketidakpastian. Murray Lee (2001) mendapati ia berguna untuk memahami "perasaan takut terhadap jenayah" sebagai "objek luar jangka siasatan kriminologi". Iaitu, perasaan takut terhadap jenayah bukan sekadar "di luar sana" untuk satu kepada pernyataan, tetapi sebaliknya dibina daripada pelbagai wacana (contohnya, media, politik, akademik) dan kemudian menjadi fenomena kemasyarakatan dari masa ke semasa. Ini bukan sahaja memperkukuhkan pemahaman khusus tentang perasaan takut terhadap jenayah, ia juga meminjamkan legitimasi kepada peraturan kerajaan dan kebimbangan orang ramai tentang menjadi "takut". Dengan mengambil pendekatan ini memungkinkan untuk konseptual dan

memahami pelbagai kepentingan, yang berpunca daripada "perasaan takut terhadap jenayah," bergerak seperti yang berlaku dalam corak kepelbagaian dimensi dan bukannya dalam satu rangkaian mudah penyebab. Ketakutan ini seterusnya menjadikan individu atau masyarakat merasa risau dan bimbang terjebak atau menjadi mangsa jenayah.

Kerisauan jenayah telah mewujudkan paradigma terhadap psikologi apabila seseorang merasa terdedah kepada persekitaran jenayah atau pernah menjadi mangsa sehingga membawa perasaan traumatik terhadap diri sendiri. Keadaan ini juga boleh berlaku kepada seseorang yang mempunyai ahli keluarga atau sahabat handai yang menjadi mangsa jenayah kekerasan atau jenayah harta benda.

### **1.6.3 PENCEGAHAN JENAYAH**

Pencegahan jenayah merupakan kaedah bagi mengelak sebarang jenayah sebelum ia berlaku. Kajian menyeluruh telah dilakukan dalam mendefinisikan pencegahan jenayah. Definisi panduan pencegahan jenayah dirujuk sebagai berikut: "jangkaan, pengenalan dan penilaian risiko jenayah dan tindakan yang diambil - termasuk kepimpinan dan masyarakat secara bersepadu diperlukan - untuk menghapuskan atau mengurangkannya". Maksud takrif ini adalah mengambil pendekatan menyeluruh dan bersungguh melakukan pencegahan dalam meramal, mengenal pasti, mencegah dan mengurangkan jenayah dengan menangani faktor-faktor risiko yang berkaitan dengan jenayah dan penganiayaan (Ismail, 2008).

Definisi ini mendorong masyarakat untuk memberi tumpuan kepada faktor-faktor yang memacu kepada perilaku jenayah dan anti-sosial melalui penyediaan langkah-langkah proaktif yang menasaskan semua anggota masyarakat termasuk

kanak-kanak, remaja dan orang tua dalam segenap lapisan masyarakat. “Kepimpinan Masyarakat Bersepadu” adalah bahagian yang penting dalam pencegahan jenayah. Strategi pencegahan jenayah yang berkesan melibatkan pendekatan pelbagai sektor (institusi akademik, agensi-agensi masyarakat, kerajaan, agensi-agensi kesihatan mental dan perkhidmatan polis antara lain) dalam usaha untuk membina padu, kapasiti masyarakat yang kuat, setempat efektif mencegah faktor jenayah (Ismail, 2008).

Risiko adalah negatif ciri-ciri dan/atau syarat-syarat yang terdapat di dalam individu, keluarga, masyarakat atau masyarakat yang dapat meningkatkan berlakunya jenayah atau perasaan takut terhadap jenayah dalam kalangan masyarakat. Faktor-faktor ini juga boleh meningkatkan kemungkinan bahawa individu terlibat dalam jenayah dan/atau menjadi mangsa. Adalah penting untuk diambil perhatian bahawa faktor-faktor risiko adalah pelbagai dimensi dan berhubung kait antara satu sama lain.

Pencegahan jenayah hari ini merupakan instrumen penting untuk menurunkan kadar jenayah, termasuk jenayah yang dilaporkan kepada pihak polis dan yang masih tidak didedahkan. Ia menjadikan kawasan kejiranan yang selamat dan pada masa yang sama memastikan bahawa hak-hak dan kebebasan masyarakat dihargai. "Mencegah lebih baik daripada mengubati". Tujuannya adalah untuk bekerja dengan masyarakat untuk mengenal pasti faktor-faktor risiko yang boleh membawa kepada jenayah sebelum ia berlaku. Pencegahan jenayah memungkinkan masyarakat membanteras dan menjejaskan dorongan dan risiko faktor yang dikaitkan dengan jenayah bagi menjamin keselamatan daripada menjadi mangsa.

Namun, pencegahan jenayah tidak bermaksud bahawa semua kejahatan akan dapat diatasi (Waller dan Weiler, 1984). Definisi jenayah akan terhad kepada kesalahan-kesalahan tertentu terhadap sebarang pembunuhan, serangan, serangan



seksual, memandu secara berbahaya dan hartanah seperti rompakan, kecurian, pecah rumah dan masuk dan vandalisme. Pembangunan sosial akan merujuk kepada program-program yang menangani faktor sosial dalam persekitaran dan interpersonal atau hubungan antara kumpulan.

#### **1.6.4 KESELAMATAN AWAM**

Adalah menjadi tanggungjawab pihak kerajaan bagi merencana aspek keselamatan awam terhadap masyarakat dan negara. Menurut Plant dan Scott (2009), mereka menyatakan bahawa peranan yang penting dalam kerajaan tempatan adalah untuk memastikan keselamatan masyarakat. Pegawai-pegawai kerajaan tempatan dipilih dan dilantik untuk bertanggungjawab dalam keperluan keselamatan awam bagi memahami bagaimana kerajaan tempatan boleh mengawal dan mencegah masalah dalam keselamatan awam. Namun mencegah jenayah daripada berlaku adalah perkara yang sukar tetapi perlu dilaksanakan. Golongan wanita dan kanak-kanak lebih terdedah kepada ancaman jenayah dan penjenayah juga lebih terdorong untuk melakukan jenayah yang melibatkan wanita dan kanak-kanak.

Kajian berkaitan jenayah dijalankan di Dar Es Salaam (Louw *et. al*, 2001) mendapati bahawa terdapat satu perasaan umum dalam kalangan responden bahawa jenayah telah meningkat secara umumnya dan hampir dua pertiga daripada mereka yang ditemu bual (61%) berasa tidak selamat di kawasan mereka terutama pada waktu malam. Kaji selidik itu juga mendedahkan bahawa wanita, orang muda yang berumur antara 15-25 tahun, mereka yang berpendidikan rendah dan tinggal di pinggir bandar berasa tidak selamat terutama di kawasan gelap. Keselamatan awam akan terjejas apabila jenayah yang melibatkan kecederaan atau kematian terus menghantui perasaan mereka terutama daripada golongan wanita dan kanak-kanak.

Adalah penting untuk individu dan pegawai-pegawai awam untuk mengelakkan ancaman pegganas. Transit keganasan akan menyebabkan lebih banyak jumlah kemalangan jiwa dan bahaya kepada masyarakat jika individu bertindak balas terhadap serangan dengan beralih dari transit awam kepada mod kurang selamat, atau jika pembuat keputusan bertindak balas dengan mengurangkan sokongan untuk pengangkutan awam.

### **1.6.5 PERSEKITARAN FIZIKAL**

Sama ada secara nyata atau tidak, kerisauan atau kebimbangan terhadap jenayah di kalangan masyarakat adalah tinggi, dan dari hari ke hari ia mempengaruhi kualiti hidup. Masyarakat risau dengan keselamatan diri ketika berada di lorong-lorong jalan dan di lokasi sistem transit. Persepsi terhadap kerisauan ini sering dialami oleh golongan wanita dan golongan warga emas. Kerisauan terhadap kejadian jenayah mempengaruhi tingkah laku seseorang. Orang ramai cuba mengelak dengan tidak melakukan aktiviti waktu malam, bekerja pada waktu malam, menaiki teksi atau pengangkutan awam, mengurangkan aktiviti rekreasi seperti bersenam, selain tidak membenarkan kanak-kanak bermain di luar rumah.

Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran (CPTED) adalah merupakan satu kaedah yang bagus dan bijak yang mana ia menggunakan pembangunan persekitaran yang boleh mengurangkan kedua-dua jenayah kejam dan juga kemalangan. Pendekatan yang biasa adalah memisahkan antara jenayah dan juga jenayah kejam kepada dua isu yang berlainan. Walau bagaimanapun, keselamatan dan kesejahteraan adalah asas kepada isu kualiti kehidupan. Untuk menyokong pendekatan ini, CPTED digunakan untuk mempromosikan kualiti hidup yang lebih baik dan penyelesaiannya dilihat lebih memuaskan. Ini adalah bertentangan dengan pendekatan